

**PENCAPAIAN MAJLIS BERSAMA JABATAN – KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
(MBJ-KKM) TAHUN 2007**

<b>BIL</b>	<b>ISU/PERKARA</b>	<b>PENCAPAIAN</b>
1	Penyelarasan Talian Sambungan Dan Kod Talian Telefon	Urusan penukaran kod telefon telah selesai sepenuhnya.
2	Laluan Berbumbung Dari Blok E10 Ke Kompleks Anjung	Laluan berbumbung tidak sesuai dibina memandangkan laluan tersebut adalah laluan utama semua kenderaan termasuk kenderaan berat.
3	Menaiktaraf Kelayakan Jawatan Anggota Kategori Sokongan II	Perkara ini merupakan isu nasional dan melibatkan Dasar Pengambilan Tenaga Buruh secara keseluruhannya. Perkara ini harus diketengahkan dalam forum lain yang berkaitan.
4	Kemudahan Kad Nilai Tambah Handset Bagi Pemandu	Kad nilai tambah handset telah dibekalkan kepada pemandu yang bertanggungjawab kepada Pegawai Pengurusan Tertinggi (JUSA).
5	Keraguan Mengenai Isu Yang Boleh Dibawa Ke Mesyuarat MBJ	Wakil Pihak Pekerja boleh merujuk kepada Perlembagaan MBJ IPKKM mengenai isu-isu yang boleh dibawa ke mesyuarat MBJ

<b>BIL</b>	<b>ISU/PERKARA</b>	<b>PENCAPAIAN</b>
6	Carta Organisasi KKM	Carta organisasi yang baru IPKKM telah dipasang di Lobi Utama, Blok E7.
7	Elaun Tanggung Kerja	Bahagian Sumber Manusia telah memproses permohonan rayuan bagi kes-kes tanggung kerja yang dikemukakan setiap bahagian
8	Mengemaskini Buku Panduan Telefon Anggota Ibu Pejabat	Semua bahagian telah melaksanakan pengemaskinian senarai nombor telefon dan Email.
9	Kod Telefon Antara Parcel-Parcel	Bahagian Khidmat Pengurusan telah mengedarkan surat makluman kod telefon antara parcel untuk kegunaan semua bahagian
10	Penyelenggaraan Lif	Bahagian Khidmat Pengurusan telah mengambil tindakan menyelenggarakan Lif di semua bangunan KKM. Bahagian ini juga telah memaklumkan kepada pihak kontraktor Kenangan Emas Sdn. Bhd. bagi memastikan semua Lif dalam keadaan baik.

<b>BIL</b>	<b>ISU/PERKARA</b>	<b>PENCAPAIAN</b>
11	Keahlian Kelab KKM	Kelab KKM hendaklah melaksanakan aktiviti yang berfaedah dan aktiviti yang boleh menarik minat dan penyertaan ramai ahli-ahli Kelab.
12	Khidmat Kaunselor Di IPKKM	Kaunselor telah menerima sebanyak 60 Kes berkenaan anggota yang mengalami tekanan di tempat kerja dan juga masalah peribadi. Kaunselor memberi jaminan bahawa semua maklumat akan dirahsiakan.
13	Memohon Justifikasi Kenaikan Pangkat Pegawai Perubatan U41 Kepada U48	Isu ini melibatkan dasar dan melibatkan agensi pusat seperti JPA, ianya tidak sesuai untuk dibawa sebagai isu dalam Mesyuarat MBJ.
14	Memohon Justifikasi Kenaikan Pangkat Penyelenggara Stor N11 Kepada N17	Isu ini melibatkan dasar dan melibatkan agensi pusat seperti JPA, ianya tidak sesuai untuk dibawa sebagai isu dalam Mesyuarat MBJ.
15	Kafeteria di Kementerian Kesihatan Malaysia	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan telah menjalankan pemeriksaan di Kafeteria dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Putrajaya dan Penguatkuasa Perbadanan Putrajaya dan mendapati terdapat penambahbaikan dari segi kebersihan permis.

<b>BIL</b>	<b>ISU/PERKARA</b>	<b>PENCAPAIAN</b>
16	Menaik Taraf Jurutaip N11 ke N17	Bahagian BSM sedang menjalankan kajian yang akan dikemukakan kepada JPA menyatakan pandangan dan pendirian kementerian mengenai skim perkhidmatan ini.
17	Keahlian Pihak Pekerja MBJ	Semua ahli MBJ telah maklum tentang keperluan untuk menghadirkan diri dalam setiap mesyuarat MBJ.
18	Pelbagai Kursus Bagi Pembantu Tadbir	Semua bahagian telah mengambil maklum perkara ini dan akan mengadakan pelbagai kursus untuk Pembantu Tadbir
19	Pemasangan Lampu Di Antara Blok E7 dan E11.	Lampu-lampu di bangunan KKM telah dibaiki dengan pengantian mentol, 'ballast' dan didapati semua lampu telah berfungsi dengan baik. Pada masa ini <i>Building Control System (BCS) - (Lingting Monitoring)</i> telah dipasang di blok E6, E7 dan E10 untuk pemantauan.
20	Kualiti Makanan Kafeteria di KKM	Pemeriksaan kebersihan telah dijalankan dan sebarang aduan mengenai Kafeteria boleh dikemukakan kepada BKMM.
21	Tuntutan Pembayaran Penggunaan Telefon Bagi Pemandu	Pemandu - pemandu boleh membuat tuntutan mengenai pembayaran penggunaan telefon untuk urusan rasmi sekiranya tuntutan tersebut disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab.
22	Maklum Balas Ke Atas Minit Mesyuarat	Minit mesyuarat MBJ diedarkan kepada semua Pengarah-Pengarah Bahagian supaya tindakan ke atas maklum balas yang diperlukan dijawab oleh Bahagian.

<b>BIL</b>	<b>ISU/PERKARA</b>	<b>PENCAPAIAN</b>
23	Kelewatan Menerima Surat Penempatan	Proses pertukaran bergantung kepada jarak. Sekiranya pertukaran tersebut melibatkan jarak yang jauh proses yang diambil adalah selama 1 bulan, manakala bagi jarak yang dekat tempohnya adalah selama 2 minggu.
24	Taska Untuk Anak Anggota di Putrajaya	Taska Kementerian Kesihatan Malaysia telah mula beroperasi pada 4 Februari 2008
25	Keselamatan Di Bangunan KKM	Jawatankuasa Keselamatan di KKM telah mengeluarkan garis panduan dan peraturan yang terperinci mengenai perkara ini
26	Peruntukan Bagi Aktiviti Anjuran Ahli Pihak Pekerja MBJ	Wakil Pihak Pekerja telah mengadakan Lawatan Ke Pejabat Perhutanan Negeri Kedah pada <b>17 – 19 November 2007.</b>
27	Menceriakan Tangga Bangunan KKM	Mesyuarat Penyelenggaraan Bangunan KKM yang diadakan secara berkala telah mengingatkan Pihak Kenangan Emas Sdn. Bhd mengambil tindakan berterusan ke atas perkara tersebut.
28	Peranan Pihak Pegawai Keselamatan di KKM	Pihak pengawal keselamatan telah dimaklumkan supaya melarang anggota KKM memasuki bangunan ketika berlaku bencana sebelum arahan berbuat demikian dikeluarkan oleh Pihak Pengurusan.

<b>BIL</b>	<b>ISU/PERKARA</b>	<b>PENCAPAIAN</b>
29	Masalah Tempat Meletak Kenderaan di KKM	Kerajaan telah bersetuju untuk menambah lot parking di Kompleks C, D dan Kompleks E. Tumpuan lebih kepada Kompleks C dan D kerana kedua-dua kompleks tersebut menghadapi masalah tempat meletak kenderaan yang lebih serius.
30	Kemudahan Bilik Pemandu	Kerja-kerja pembinaan bilik pemandu telah siap dilaksanakan dan boleh mula digunakan pada 1 Januari 2008.
31	Penyelenggaraan Kerosakan	Masalah penyelenggaraan kerosakan tandas di Aras 3, Blok E10 telah dibaiki dan diselenggarakan oleh Pihak Kenangan Emas Sdn. Bhd.
32	Penggunaan Alat Siar Raya	Alat siar raya hendaklah digunakan semimum yang mungkin. Penggunaan alat siar raya yang terlalu kerap mengganggu urusan mesyuarat dan seterusnya kualiti mesyuarat yang diadakan.
33	Takwim MBJ Pada Tahun 2008	Takwim mesyuarat tersebut telah dimasukkan di dalam Takwim Kementerian Kesihatan Malaysia bagi tahun 2008.
34	Tarikh Pelantikan MBJ Diseragamkan Antara Semua Ahli Pihak Pekerja	Mesyuarat bersetuju tarikh pelantikan setiap Ahli Pihak Pekerja MBJ untuk sesi 2008 -2009 diseragamkan.